

1. Ayah berjanji akan menghadiahkan sebuah _____ kepada adik jika dia berjaya membuat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun nanti.

☐ A jam tangan
☐ B gelang kaki
☐ C rantai emas
☐ D komputer riba

2. Pelukis pelan itu mempunyai _____ yang tinggi untuk menghasilkan rekaan yang unik dan sesuai dengan peredaran semasa.

☐ A daya fikir
☐ B atur cara
☐ C reka cipta
☐ D reka bentuk

3. Pengaruh sains dan teknologi menyebabkan orang ramai terlalu leka dengan _____ sehingga tiada masa untuk berbual-bual dengan anggota keluarga.

☐ A kaca mata
☐ B surat khabar
☐ C media sosial
☐ D bekas tangan

4. Kekerapan makan makanan masin akan menyebabkan seseorang menghidap penyakit _____.

☐ A darah tinggi
☐ B darah muda
☐ C darah panas
☐ D tekanan darah

5. Berpuluh-puluh buah syarikat saham di Bursa Malaysia terpaksa menutup _____ lebih awal ekoran krisis politik yang meruncing di Amerika Syarikat.

☐ A duit kertas
☐ B urus niaga
☐ C tukaran asing
☐ D modal pusingan

6. Orang yang menjadi _____ penjajah sanggup mengkhianati bangsa demi kepentingan diri.

☐ A tali air
☐ B tali barut
☐ C tali pusat
☐ D tali tangsi

7. Kakak mengutip sampah di atas lantai lalu membuangnya ke dalam _____.

☐ A pagar duri
☐ B bakul buah
☐ C beg tangan
☐ D tong sampah

8. Guru penyelaras program menyaksikan _____ persembahan nyanyian murid pet _____ malam untuk memastikan kelancaran program kebudayaan pada keesokan harinya.



- ☐ A susur galur
- ☐ B adat resam
- ☐ C adat istiadat
- ☐ D raptai penuh

9. Penggunaan _____ yang berlebihan dalam penanaman sayur-sayuran akan memudaratkan pengguna.

- ☐ A racun serangga
- ☐ B zat makanan
- ☐ C baja organik
- ☐ D tanah liat

10. "Berkat _____ antara ahli pasukan, akhirnya kami berjaya menjuarai kejohanan ini," kata kapten pasukan hoki itu.

- ☐ A sukarela
- ☐ B kerjasama
- ☐ C kakitangan
- ☐ D tanggungjawab

11. Kita hendaklah menjaga keamanan di kawasan perumahan demi ketenteraman _____.

- ☐ A jiran tetangga
- ☐ B sanak saudara
- ☐ C sahabat handai
- ☐ D masyarakat majmuk

12. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pihak polis masih menjalankan _____ terhadap beberapa orang saksi sebelum melakukan penangkapan.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B temu bual
- ☐ C kaji selidik
- ☐ D soal siasat

13. Angkasawan negara telah menjalankan _____ penghabluran protein semasa berada di angkasa lepas.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B ulang kaji
- ☐ C kaji hayat
- ☐ D soal siasat

14. Masron sering membantu ibunya mengemas rumah kerana dia _____.

- ☐ A berat tulang
- ☐ B ringan mulut
- ☐ C cepat tangan
- ☐ D ringan tulang



15. Abang Faiz bercita-cita untuk menjadi _____ yang berjaya dan mempunyai firma guamannya sendiri setelah menamatkan pengajiannya di universiti nanti.

- ☐ A doktor gigi
- ☐ B guru tadika
- ☐ C guru sekolah
- ☐ D peguam bela

16. Dia terpaksa _____ daripada menyertai rombongan itu kerana ayahnya kurang sihat.

- ☐ A menarik diri
- ☐ B mengabui mata
- ☐ C mengadu untung
- ☐ D memandang ringan

17. Suasana yang bising di dalam kelas itu sebentar tadi menjadi _____ apabila guru disiplin memasuki kelas tersebut.

- ☐ A letih lesu
- ☐ B sunyi sepi
- ☐ C lemah longlai
- ☐ D resah gelisah

18. Guru besar menegaskan bahawa program Pendidikan Kesihatan merupakan acara yang penting dalam _____.

- ☐ A isu semasa
- ☐ B berita terkini
- ☐ C warta harian
- ☐ D takwim sekolah

19. Hamdan berasa _____ kerana menantikan keputusan peperiksaan akhir tahun yang akan dikeluarkan esok.

- ☐ A lemah gemalai
- ☐ B resah gelisah
- ☐ C panas sejuk
- ☐ D suka duka

20. Dalam perbicaraan di mahkamah, _____ akan dilakukan oleh peguam bela setelah saksi memberikan keterangan.

- ☐ A soal balas
- ☐ B soal jawab
- ☐ C soal selidik
- ☐ D soal siasat